

Bahagian A


Sistem Bahasa dan Pemahaman Teks

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Firdaus menampal surat panggilan mesyuarat Kelab Pencinta Alam _____ papan kenyataan berdekatan dengan kantin sekolah.
 A ke C pada
 B atas D kepada

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Kita hendaklah menutup makanan dengan tudung saji agar tidak _____ lalat.
 A dikerumuni
 B dihinggapi
 C disinggahi
 D didekati
3. Setiap kali pulang dari pejabat, Encik Haris akan _____ anaknya hingga anaknya itu ketawa.
 A menepuk-nepuk
 B mengacah-acah
 C mengagah-agah
 D mengusap-usap

4. Ketua jabatan mengingatkan semua kakitangan di jabatan itu agar menjauhi perbuatan _____ kerana dapat menjejaskan reputasi jabatan berkenaan.
 A tumbuk rusuk C makan angin
 B mata duitan D gelap mata

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Saya masih rindukan kehidupan di desa _____ walaupun telah lama berpindah ke kota.
 A B C
Tiada kesalahan.
 D
6. "Ayah bercadang untuk membeli sebuah _____ kereta. Ia merupakan satu keperluan _____ kepada keluarga kita," kata ayah kepada kami. Tiada kesalahan.
 A B C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Kejelitaan Ainon tidak *luntur* walaupun dia semakin tua.
 II Warna baju kesayangan ibu *luntur* akibat terkena bahan kimia.



- III Kegigihan Devi untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tidak *luntur* walaupun dia terpaksa menghadapi beberapa halangan.
- IV Dia berasa *luntur* untuk menegur kawannya itu selepas peristiwa pahit yang berlaku.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Kedatangan murid-murid ke sekolah pada pagi ini *dingin* sekali kerana hujan turun dengan lebat sejak pagi tadi.
- II Sambutan Hari Guru di sekolah saya pada tahun ini agak *dingin* jika dibandingkan dengan tahun lalu.
- III Datuk sedang mencari selimut untuk melindungi dirinya daripada *dingin*.
- IV Sejak peristiwa itu, Danish bersikap *dingin* terhadap saya.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa** atau **mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

9. Suasana di dalam rumah Encik Maniam agak riuh-rendah apabila anak cucunya pulang bercuti bersempena dengan perayaan Deepavali.
- A riuh bila
B riuh apabila
C riuh-rendah bila
D riuh-rendah apabila

10. Pihak polis sedang giat memburu sekelompok penjenayah yang mempercayai terlibat dengan sindiket pengedaran dadah di ibu negara.
- A segerombolan penjenayah yang mempercayai
B sekumpulan penjenayah yang dipercayai
C seangkatan penjenayah yang dipercayai
D sekelompok penjenayah yang mempercayai

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Zaidi menunggu ibunya di stesen kereta api sejak pukul 7.30 pagi.
- II Sesetengah ibu bapa tidak mengambil berat tentang pelajaran anak mereka kerana sibuk bekerja.
- III Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat agung Persatuan Bahasa Melayu akan diadakan pada hari Rabu.
- IV Murid-murid nakal itulah yang mengotori pusat sumber sekolah pada petang kelmarin.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
12. I Zahara amat meminati penyanyi nombor satu negara itu.
- II Amin dikehendaki untuk berjumpa dengan kaunselor sekolah kerana prestasi akademiknya semakin merosot.
- III Harimau Malaya antara haiwan yang diancam oleh pupus.
- IV Azmir ke pejabat pos untuk mengiriskan hadiah pada rakannya yang tinggal di Muar, Johor.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja



Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Rozita melonjak kegembiraan apabila abangnya menghadiahkan sepasang kasut sukan yang sudah lama diidam-idamkannya.

Situasi di atas sesuai dengan peribahasa
A seperti kera mendapat bunga.
B bagai pungguk merindukan bulan.
C kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
D orang mengantuk disorongkan bantal.